# DANA PEMASARAN DAN PENGEDARAN



## 1 TUJUAN KATEGORI DANA

**Kategori dana ini dibuka adalah bertujuan merangsang penggiat industri untuk aktiviti pemasaran dan pengedaran filem cereka / animasi bagi meningkatkan jumlah penontonan dan kutipan hasil penontonan pawagam**

## 2 OBJEKTIF

- Membantu meningkatkan jumlah penontonan dan kutipan hasil pawagam melalui medium promosi dan pengedaran pawagam
- Membuka lebih banyak peluang kepada syarikat pengedar untuk perkhidmatan pengedaran filem cereka tempatan
- Merangsang ekosistem pemasaran dan pengedaran untuk penerbitan filem cereka tempatan

## 3 SKOP PROGRAM DANA

**01** Kos siling per projek berjumlah RM200,000.00 sahaja

**02** Format permohonan : Filem Cereka / Animasi (Tayangan pawagam di MALAYSIA sahaja)

**03** Penyaluran secara ***reinbursement*** melalui pengauditan laporan aktiviti pemasaran dan pengedaran perbelanjaan yang disahkan

**04** Membantu skop pemasaran dan pengedaran filem cereka pawagam yan telah menerima sijil LPF



Tidak menerima dana produksi dan/atau dana pembangunan DKK

## 4 SKOP AKTIVITI PENGEDARAN DAN PROMOSI DILULUSKAN SEHINGGA RM200,000.00 ADALAH:

1. **Media Sosial**
2. **TMO, OST, Teaser dan Trailler**
3. **Media *Electronic* (Billboard, TV dan Radio)**
4. **Malam Gala**
5. **Jelajah Promosi**
6. **Bahan Publisiti (Poster, Bunting, Merchandise Item, Surat Khabar, Malajah dan Flyers)**

Permohonan adalah terbuka kepada filem cereka / animasi pawagam yang **WAJIB** melalui Skim Wajib Tayang FINAS

**KADAR PERMOHONAN DANA ADALAH TERTAKLUK KEPADA KRITERIA PENGGIRAAN SEPERTI BERIKUT;**

Filem cereka / animasi pawagam yang mendapat kutipan kasar **RM500,000.00 dan ke atas** adalah layak memohon

(Tertakluk kepada pengesahan jumlah perbelanjaan oleh **Akauntan Bertauliah**)
dan
(**Maksimum** dana yang layak sehingga **RM 200,000.00**)

## 5 TARIKH PERMOHONAN




**Tarikh Buka Permohonan:**
**Sepanjang Tahun Sehingga 30 November 2025**

**Tertakluk kepada siling bilangan penerima dan baki peruntukan tahun semasa*

## 6 SYARAT-SYARAT DAN TERMA PERMOHONAN

### SYARIKAT

1. Lesen pengeluaran / Pengedaran FINAS hendaklah masih aktif sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh luput semasa permohonan dibuat
2. Lebih daripada lima puluh satu peratus (51%) pemilikan sah dan benefisial pemohon terletak hak pada warganegara Malaysia
3. Syarikat tidak mempunyai *'on going'* projek DKK atau telah menerima surat tutup projek daripada FINAS
4. RM50,000.00 modal syer diterbitkan dan berbayar
5. Bebas dari perintah penggulungan dan senarai muflis
6. Tidak mempunyai sebarang projek yang bermasalah atau tidak siap di bawah Dana Kandungan Kreatif (DKK) atau mana-mana dana di bawah FINAS

## 7 IMPLIKASI KEWANGAN

**Pembiayaan Dana ini sehingga RM200,000.00 bagi aktiviti pemasaran dan pengedaran untuk projek tersebut**

**Amaun kelulusan adalah tertakluk kepada pengesyoran dan kelulusan Jawatankuasa Pelulus DKK*

## 8 PELAKSANAAN PROGRAM

- Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang **www.finas.my** Pemohon juga **WAJIB** mengisi borang pendaftaran (secara dalam talian)
- Setiap permohonan **WAJIB melengkapkan SENARAI SEMAK PENYERAHAN** yang telah ditetapkan. Borang hendaklah dihantar dan dilampirkan bersama dokumen-dokumen sokongan
- Urus setia akan menbuat saringan tapisan permohonan
- Pemohonan yang berjaya melepasi saringan urus setia sahaja akan diangkat ke Jawatankuasa Pelulus DKK di Kementerian Komunikasi (KK) untuk kelulusan

## 9 KAEDAH PENYALURAN DANA

| PERINGKAT | | PECAHAN |
| --- | --- | --- |
| **PERBATUAN 1** 100% | | • Selepas aktiviti Pengedaran dan Promosi (P&P)<br>• Laporan penuh (Pengedaran dan Promosi)<br>• Laporan jumlah kutipan di Pawagam Tempatan (diperakukan dan disahkan oleh Pemamer berlesen FINAS) |

## 10 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN P&P

